

05/11/1997

Membasmi cetak rompak

Roslan Ibrahim

SECARA umum, penubuhan MSC diyakini akan menjadi realiti. Rakyat Malaysia mendoakan kejayaannya kerana sebagai negara kerdil, kita turut berbangga dengan kemampuan menjadi pusat IT terunggul di dunia.

Namun, di sebalik keyakinan dan kekuatan, keresahan tetap wujud terutama gejala cetak rompak yang diibaratkan sebagai barah. Beberapa pihak termasuk Bill Gates meluahkan keresahannya mengenai perkara itu dalam pertemuannya dengan Dr Mahathir walaupun hakikatnya menerima cadangan membantu mewujudkan MSC.

Setiausaha Badan Banteras Cetak Rompak (BBCR), Zaienah Abdin Omar, berkata masalah cetak rompak termasuk harta intelek, kaset, cakera padat (CD), pita video, perisian komputer, cakera laser (LD) dan cakera padat video (VCD) adalah ancaman besar di negara ini.

Beliau berkata, sebelum ini China, Thailand dan Taiwan menjadi pusat cetak rompak terbesar dunia. Bagaimanapun, berikutan kecaman masyarakat antarabangsa termasuk tekanan kuat daripada firma yang mengeluarkan barangan berkenaan dan Amerika Syarikat, kegiatan itu dapat dibanteras.

"Kini, lanun cetak rompak antarabangsa bertumpu ke Malaysia untuk menjalankan aktiviti dan mengaut keuntungan berlipat ganda kerana undang-undang mengawal harta intelek dan cetak rompak di negara ini terlalu longgar.

"Lanun cetak rompak berkenaan misalnya boleh mendirikan kilang mengeluarkan barang cetak rompak atau memproses semula perisian komputer di sini untuk dipasarkan ke luar negara.

"BBCR amat bimbang dengan perkembangan itu apatah lagi senarai yang dikeluarkan mendapati Malaysia antara 10 negara utama dunia yang dikenal pasti menjadi pusat cetak rompak," katanya dalam pertemuan khas di pejabatnya di Hulu Klang, Selangor, baru-baru ini.

Katanya, BBCR sedih kerana ketika Dr Mahathir bertungkus-lumus merealisasikan pusat IT atau MSC di negara ini, pihak tidak bertanggungjawab juga kian mengganas dengan menjalankan aktiviti cetak rompak.

"Kita tidak boleh menyalahkan Bill Gates atau tokoh komputer lain di dunia jika mereka tidak mahu melabur dalam MSC selagi kerajaan tidak dapat memberi jaminan idea atau harta intelek mereka tidak dicitak atau dirampas pihak lain secara rakus," katanya.

Menurutnya jika kita membelek Internet setiap hari, kebimbangan pakar komputer termasuk Bill Gates terhadap cetak rompak di negara ini semakin ketara.

Di negara ini ada kira-kira 33 kilang yang mengeluarkan CD, pita video, VCD dan kaset. Daripada jumlah itu, 13 adalah kilang haram manakala 20 lagi mendapat permit atau lesen perniagaan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti). Bagaimanapun, daripada 13 kilang haram itu, dua daripadanya sudah diambil tindakan pihak berkuasa.

Melihat statistik itu sesiapa pun tidak akan percaya Malaysia yang mempunyai penduduk berjumlah 20 juta mempunyai sehingga 33 kilang mengeluarkan CD, pita video dan kaset, padahal dua kilang sudah memadai bagi menampung permintaan penduduk negara ini.

Sebuah mesin pencetak CD dikatakan boleh menghasilkan kira-kira 150,000 keping CD cetak rompak sejam. Bayangkan jumlahnya jika 33 kilang beroperasi 10 jam sehari.

Pihak berkuasa boleh mengambil tindakan menutup sebuah dua kilang tetapi

mereka tidak akan berjaya membanteras pengedaran bahan cetak rompak daripada berleluasa. Malah di sesetengah tempat termasuk pasar malam dan pusat beli-belah di Kuala Lumpur, CD, pita video, kaset perisian komputer cetak rompak seperti CD-Rom dijual secara terbuka.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melaporkan, sejak Januari hingga Oktober tahun ini mengesan 280 kes cetak rompak kaset dan pita video mengikut Akta Perihal Dagangan 1972. Daripada jumlah itu, RM1.5 juta barangan cetak rompak dirampas di seluruh negara.

Bagaimanapun, sindiket cetak rompak sukar dibanteras kerana mereka mempunyai rangkaian antarabangsa yang sanggup melabur berjuta-juta ringgit bagi memastikan impian meneruskan kegiatan cetak rompak di negara ini.

Zaenal berkata, sejak penubuhan BCCR, pihaknya berjaya melumpuhkan sebahagian kecil sindiket pengedaran cetak rompak. Dalam serbuan di Kuala Kangsar, bulan lalu pihaknya menahan seorang lelaki yang dipercayai pengedar utama di kawasan Tengah, Utara dan Timur negara ini.

Operasi itu mendapat kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Persatuan Perlindungan Harta Benda Intelek (IPP) dan Ambang Klasik Sdn Bhd.

Usaha yang dilakukan BCCR belum menjamin kegiatan cetak rompak dapat dibanteras selagi beberapa halangan yang wujud dalam sistem birokrasi. Antaranya penguatkuasaan undang-undang dan kelonggaran dalam pemberian lesen kepada syarikat luar negara bagi mendirikan kilang mengeluarkan CD.

Mengikut Akta Hak Cipta 1987, sesiapa yang didapati mengedar atau menjual perisian komputer cetak secara komersil tanpa kebenaran pemilik asal boleh didenda sehingga RM10,000 bagi setiap perisian atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagaimanapun, beberapa kes yang disabit kesalahan, mahkamah hanya mengenakan denda yang kecil.

(END)